



Standard gula MSM disenarai tiga terbaik di Asia Tenggara

KUALA LUMPUR - Standard gula bertapis yang diproses di kilang milik MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) khususnya dari dua buah kilangnya di kawasan utara kini berada dalam senarai tiga terbaik di rantau Asia Tenggara.

Pencapaian ini dapat dilihat berdasarkan komitmen kilang penapisan gula MSM Prai Bhd. (MSM Prai) dan MSM Perlis Sdn. Bhd. (MSM Perlis) yang kini memproses gula mentah kepada gula bertapis dilengkapi pelbagai mesin pemrosesan berteknologi tinggi dan sentiasa dipertingkatkan.

Ini dilihat pada perbelanjaan modal yang dilaburkan bagi MSM Prai

sebanyak RM20 juta pada tahun 2016 untuk pembelian mesin baharu manakala bagi MSM Perlis pula ialah antara RM15 juta hingga RM20 juta setahun yang mana sebahagian besarnya adalah untuk tujuan yang sama.

Dalam masa yang sama, kilang penapisan gula MSM Prai yang kini telah mencapai usia kira-kira 50 tahun dan terletak di Butterworth, Pulau Pinang juga sedang rancang dijalankan proses menaiktaraf dan ia dijangka selesai menjelang tahun 2018.

Ketua Pegawai Operasi MSM, Jason P. Hendroff berkata, kerja-kerja menaik taraf itu melibatkan



JASON



TIMBALAN Pengurus Besar MSM Prai, Zahari Ishak memberi penerangan mengenai mesin pemrosesan gula di Butterworth baru-baru ini.

pelaburan lebih daripada RM100 juta dan ia bertujuan untuk meningkatkan daya saing kilang pemrosesan penapisan gula mentah di premis tersebut berjalan dengan lebih cekap dan lancar.

"Peruntukan tersebut

juga bakal digunakan untuk menaik taraf gudang milik syarikat di Sungai Buloh, Selangor.

"Kerja-kerja menaik taraf ini penting bagi meningkatkan daya saing kilang ini kerana kapasiti pengeluaran kilang dari

MSM Prai ialah lebih daripada 900,000 tan metrik setahun dan secara keseluruhannya keupayaan pengeluaran MSM ialah sebanyak 1.25 juta tan metrik gula bertapis setahun.

"Bakinya pula disumbangkan oleh kilang MSM Perlis yang terletak di Chuping, Perlis," katanya pada sesi taklimat sempena lawatan media ke kilang MSM Prai dan juga di Perlis baru-baru ini.

MSM, pengeluar gula bertapis terbesar di Malaysia merupakan anak syarikat Felda Global Ventures Bhd. dan kini menguasai 64 peratus daripada pasaran tempatan.

Sepanjang sesi lawatan tersebut, kira-kira 20 pengamal media berpeluang melihat dengan lebih dekat mengenai proses penapisan gula dari gula mentah kepada gula ber-

tapis sehingga kepada proses pembungkusan.

Sementara itu, MSM Prai yang terletak di lokasi strategik selain berdekatan dengan jeti yang memudahkan kerja-kerja pemindahan gula mentah daripada kapal kargo, ia juga dihubungkan dengan rel kereta api yang memudahkan proses penghantaran ke gudang.

Kilang yang mula beroperasi sejak tahun 1964 itu berkeupayaan memproses sehingga 3,000 tan metrik gula sehari dan disokong oleh lebih daripada 300 orang kakitangan.

Gula mentah diimport dari Brazil, Australia dan Thailand.

Gula yang telah diproses dieksport ke lebih 10 buah negara termasuk Korea Selatan, New Zealand, Pakistan dan China.